

**TRANSFORMASI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MELALUI  
LONJAKAN PROFESIONALISME PUSTAKAWAN**

**Japri Bujang Masli dan Bronny Lawrence Nawe**

Pustaka Negeri Sarawak, Jalan Pustaka

Off Jalan Stadium, 93050, Kuching

japribm@sarawaknet.gov.my; bronnyln@sarawaknet.gov.my

**ABSTRACT**

*Users need libraries more than ever now especially in the presence of excessive information which is brought about by the users' lack of information skills and time. On the other hand, librarians are also being pressured by a dynamic information environment resulting from rapid ICT developments. Libraries need to undergo a service transformation, especially in Sarawak in order for it to become the state with the highest income in Malaysia in 2030. Thus, librarians need to make a professional shift if changes are to be made in improving the provision of library services to their users.*

**ABSTRAK**

*Perkhidmatan perpustakaan semakin diperlukan terutama sekali pada masa banjir maklumat akibat daripada kekurangan kemahiran maklumat serta kesuntukan masa dikalangan para pengguna. Walau bagaimanapun, pustakawan sendiri turut mengalami tekanan dari persekitaran maklumat yang semakin dinamik akibat perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat. Transformasi perkhidmatan perpustakaan amat diperlukan terutamanya di Sarawak supaya hasrat menjadi negeri berpendapatan paling tinggi di Malaysia pada tahun 2030 dapat dicapai. Lonjakan profesionalisme dikalangan pustakawan amat diperlukan jika perubahan ingin dilakukan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna.*

**Katakunci:** Transformasi; Pustakawan; Perpustakaan

**PENGENALAN**

Perpustakaan merupakan kemudahan yang paling penting dalam memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan amalan membaca. Walaupun sekolah, kolej, universiti dan pelbagai institusi lain berperanan asas untuk membentuk individu yang celik huruf, celik angka, berpengetahuan dan berkelayakan, namun kebanyakan pelajar akan berhenti belajar sebaik sahaja tamat pengajian mereka. Selain daripada

*Japri Bujang Masli & Bronny Lawrence Nawe*

itu mereka juga hanya mempelajari perkara-perkara yang terdapat di dalam sukatan pelajaran atau kurikulum masing-masing sahaja. Mahasiswa juga kurang membaca walaupun membawa buku ke kafeteria dan tempat berehat tetapi tidak membaca bagi memenuhi masa yang terluang antara masa kuliah atau semasa menunggu rakan (Rosalinda Mohd Said, 2010).

Ekonomi yang berpendapatan tinggi pada masa kini merupakan ekonomi berteraskan ilmu pengetahuan sebagai tambah nilai kepada produk serta perkhidmatan yang disediakan. Sarawak semasa merdeka melalui penubuhan Malaysia mempunyai ekonomi yang amat mundur yang berteraskan pertanian. Selepas itu ekonomi Sarawak cuba dimajukan dengan sumber semulajadi terutamanya minyak dan gas. Menyedari bahawa sumber semulajadi tidak akan kekal selama-lamanya, pembangunan estet-estet perindustrian berteraskan pengeluaran melalui pembinaan kilang-kilang dilakukan bagi mempelbagai aktiviti ekonomi serta mencipta peluang-peluang pekerjaan. Kemajuan negara-negara membangun yang baru dengan kadar upah yang lebih murah seperti Vietnam, China dan India telah memberikan persaingan sengit kepada Malaysia amnya dan juga Sarawak secara khususnya. Banyak syarikat multinasional telah memindahkan pusat-pusat pengeluaran mereka ke negara-negara ini bagi memanfaatkan kos buruh yang rendah dan mempertingkatkan keuntungan. Kita telah beralih kepada industri yang lebih canggih dan berteknologi lebih tinggi khususnya elektronik, namun kelebihan kita dalam bidang ini juga bersifat sementara. Kini kita sedar bahawa China telah menguasai industri elektronik dan juga automotif. Jalan ke hadapan untuk kita hanyalah dengan mencipta teknologi serta mempertingkatkan nilai tambah dalam produk serta perkhidmatan melalui kandungan ilmu-ilmu baru. Usaha ini memerlukan inovasi dan kreativiti yang tinggi.

#### **TRANSFORMASI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

Perkhidmatan perpustakaan merupakan satu-satunya kemudahan awam yang mampu menyumbang secara berkesan dalam pembentukan masyarakat berbudaya ilmu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Peranan ini dapat dicapai kerana perpustakaan secara sistematik mengenalpasti, memperolehi, menyimpan dan memberi capaian kepada bahan-bahan sumber maklumat yang pelbagai kepada khalayak. Namun begitu perpustakaan perlu bersaing dengan pelbagai sumber maklumat yang lain terutamanya media baru seperti rangkaian sosial, blog, blog mikro (Twitter), YouTube, Flickr dan sebagainya. Kadar inovasi oleh syarikat-syarikat teknologi multinasional seperti Google, Facebook, Apple dan lain-lain begitu cepat dan tinggi sehingga hampir mustahil untuk disaingi oleh perpustakaan. Oleh itu perpustakaan perlu berpegang teguh kepada keistimewaan serta ciri-ciri

### *Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Lonjakan Profesionalisme Pustakawan*

unik yang sedia ada pada pustakawan itu sendiri sebagai seorang yang profesional bagi menarik pengguna dan menjadikannya kekuatan kompetitif dalam menghadapi persaingan.

Perkhidmatan perpustakaan akan dapat ditransformasi dengan berkesan jika pustakawan menjunjung tinggi amalan-amalan profesional bidang kepustakawanan seperti yang telah diterapkan dalam latihan-latihan yang mereka hadiri. Badan profesional pustakawan seperti Persatuan Pustakawan Malaysia turut menghendaki ahli-ahlinya mengamalkan kod etika yang khusus (PPM 199-).

#### **PROFESIONALISME PUSTAKAWAN**

*Cambridge Advanced Learner's Dictionary* (2008) menakrifkan profesionalisme sebagai kombinasi semua kualiti yang berkaitan dengan seseorang yang terlatih dan berkemahiran oleh. Pustakawan di Malaysia terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang kepustakawanan. Bagi pustakawan yang bekerja dengan perkhidmatan awam, ketua perkhidmatan mereka ialah Perpustakaan Negara Malaysia. Secara perundangannya Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab mengadakan kepimpinan kepada perpustakaan dan menyediakan latihan bagi meningkatkan profesionalisme dalam perkara perpustakaan seperti yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Malaysia, 2006). Pustakawan yang bekerja dengan sektor swasta biasanya sudah mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan dengan bidang kepustakawanan. Oleh kerana kerja-kerja di perpustakaan memerlukan kemahiran dan kepakaran yang khusus, maka kerjaya pustakawan tidak dapat dilakukan oleh mereka yang bukan profesional dalam bidang ini.

#### **ETIKA DAN PANDUAN UNTUK PUSTAKAWAN**

Selain daripada kemahiran teknikal dan pentadbiran yang diperlukan oleh pustakawan, mereka juga mestilah mengamalkan budaya kerja serta sistem nilai yang bersesuaian dengan kerjaya pustakawan. Melalui persatuan profesional dalam bidang kepustakawanan, etika serta nilai-nilai murni profesion ini digubal serta digunapakai oleh ahli-ahli mereka. Persatuan Pustakawan Malaysia telah menggubal kod etika untuk ahli-ahlinya yang mengandungi nilai-nilai dan amalan murni. Kepentingan privasi pengguna, mendukung perlembagaan persatuan, mendahulukan pengguna, menghormati kebebasan intelektual, membelakangkan kepentingan diri, memberikan perkhidmatan yang terbaik serta saling menghormati sesama pustakawan adalah antara perkara yang termasuk di dalam Kod Etika tersebut (PPM, 199\_). *American Library Association* mempunyai kod etika yang hampir serupa dengan kod etika Persatuan Pustakawan Malaysia tetapi ditambah aspek menghormati hak harta intelek serta mengimbangkan kepentingan pengguna dengan

*Japri Bujang Masli & Bronny Lawrence Nawe*

pemunya hakcipta (ALA, 1997). *Chartered Institute of Library and Information Professional* pergi lebih lanjut dengan menyediakan etika profesional yang merangkumi *Ethical Principles and a Code of Professional Practice for Library and Information Professionals* (CILIP, 2009).

### **MENGUBAH DIRI SECARA POSITIF**

Oleh kerana perpustakaan merupakan organisasi yang berteraskan perkhidmatan, maka aspek kemanusiaan amat penting terutamanya jika perkhidmatan perpustakaan ingin ditransformasikan menjadi lebih baik. Para pengguna perpustakaan amat memerlukan bimbingan dan bantuan pustakawan dalam usaha mereka untuk memenuhi keperluan maklumat masing-masing. Pengamalan nilai-nilai dan etika profesional kepustakawanan adalah asas penting menuju ke arah ini. Walaupun kemudahan serta kelengkapan fizikal perpustakaan dimajukan dan ditambahbaik, hasrat mengtransformasi perkhidmatan perpustakaan tidak akan dapat dicapai jika pustakawan tidak melonjakkan profesionalisme mereka.

Perubahan sikap pustakawan adalah berpusat pada dirinya sendiri. Melalui pemahaman terhadap kepentingan ilmu pengetahuan sebagai keperluan asasi manusia serta kemuliaan kerjaya pustakawan, usaha pengamalan etika serta nilai profesional ini akan lebih mudah untuk dihayati. Marilah kita merenung sejenak dan bertanya kepada diri masing-masing, apakah kita semua sudah memahami serta mengamalkan kod etika profesional pustakawan.

### **PENUTUP**

Transformasi perkhidmatan perpustakaan melalui lonjakan profesionalisme pustakawan adalah satu-satunya pendekatan paling berkesan yang boleh dilakukan oleh setiap pustakawan. Etika dan nilai-nilai murni kerjaya pustakawan mestilah disemadikan di dalam hati nurani kita masing-masing. Selanjutnya penterjemahan profesionalisme pustakawan mestilah dilaksanakan di dalam semua tindakan dan kerja-kerja yang kita lakukan.

### **RUJUKAN**

Malaysia. 2006. *Akta Perpustakaan Negara 1972: mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*. Diakses pada 12 Oktober 2010 dari [http://www.pnm.gov.my/about/Akta%20Perpustakaan%20Negara%201972%20\(Pindaan\)%20\(Akta%2080\).pdf](http://www.pnm.gov.my/about/Akta%20Perpustakaan%20Negara%201972%20(Pindaan)%20(Akta%2080).pdf)

***Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Lonjakan  
ProfesionalismePustakawan***

American Library Association. 1997. *Code of Ethics of the American Library Association*. Diakses pada 13 Oktober 2010 dari <http://www.ala.org/ala/issuesadvocacy/proethics/codeofethics/codeethics.cfm>

*Cambridge advanced learner's dictionary*. 3rd ed. Singapore : Cambridge University Press, c2008.

Chartered Institute of Library and Information Professionals. 2009. *Professional ethics*. Diakses pada 13 Oktober 2010 dari <http://www.cilip.org.uk/get-involved/policy/ethics/pages/default.aspx>

PPM. 199\_. *Code of ethics*. Diakses pada 12 Oktober 2010 dari <http://www.ppm55.org.my/node/10>

Rosalinda Mohd Said. 2010. *Tiada orang baca buku di stesen LRT, tren, komuter, bas dan tumpuan umum*. 2010. Diakses pada 11 Oktober 2010 dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0222&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Laporan\\_Khas&pg=lk\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0222&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_01.htm)